



SURAT KHABAR	: UTUSAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 18
TARIKH	: 5/9/2018	JABATAN	: PERHILITAN
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

# Usaha pemuliharaan hidupan liar diteruskan

**K**EMENTERIAN Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perhilitan akan sentiasa memastikan usaha-usaha pemuliharaan hidupan liar dijalankan secara berterusan dan diharapkan ia akan terus mendapat sokongan daripada semua pihak.

Kerajaan turut mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama dan sumbangan daripada semua pihak dalam membantu kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program pemuliharaan hidupan liar, bagi menjamin kelestarian populasi hidupan liar di Malaysia.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, **Dr. Xavier Jayakumar** berkata, Pusat Menyelamat Hidupan Liar (NWRC) merupakan sebuah pusat yang menempatkan hidupan liar yang diselamatkan dan yang dirampas dalam pelbagai operasi

pengurusan hidupan liar dan penguatkuasaan oleh Jabatan Perhilitan.

“Saya merasmikan NWRC, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) yang terletak di Sungkai, Perak.



**A. XAVIER JAYAKUMAR**

“Pusat ini ditubuhkan selaras dengan peruntukan Akta Perdagangan Mengenai Spesies Terancam dan juga merupakan salah satu obligasi Malaysia dalam Artikel VIII - *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna dan Flora (CITES)*.

“Dengan lengkapnya pembangunan fasiliti di NWRC ini, kesemua hidupan liar yang diselamatkan oleh Jabatan Perhilitan akan ditempatkan di situ,” ujarnya.

Beliau menyatakan demikian



**XAVIER JAYAKUMAR** diberi penerangan mengenai kerja kerja harian di NWRC Sungkai.

pada perasmian NWRC, Jabatan Perhilitan Sungkai, Perak baru-baru ini.

Pusat tersebut menjalankan fungsinya berasaskan konsep 3R iaitu *Rescue* (Menyelamat), *Rehabilitate* (Rehabilitasi) dan *Release* (Pelepasan).

Kata beliau lagi, kebanyakan

hidupan liar yang diselamatkan ini diterima dalam pelbagai keadaan seperti dalam status kesihatan yang lemah, cedera ringan, malah terdapat juga hidupan liar yang cedera parah akibat dijerat.

Semasa di NWRC, hidupan liar ini akan menjalani pelbagai fasa rawatan yang dijalankan

oleh Pegawai Veterinar, Jabatan Perhilitan yang berpengalaman dalam pengurusan hidupan liar.

Hidupan liar yang telah pulih ini kemudiannya akan menjalani proses rehabilitasi untuk program pelepasan semula ke habitat yang sesuai.

Sehingga kini terdapat 103 ekor hidupan liar daripada pelbagai spesies yang ditempatkan di NWRC tersebut.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 55 ekor adalah mamalia daripada pelbagai spesies, 10 ekor reptilia daripada pelbagai spesies, dan 38 ekor burung.

Semua hidupan liar ini sedang menjalani proses 3R.

Antara hidupan liar yang terdapat di NWRC pada masa ini ialah harimau belang, harimau dahan, beruang matahari, kucing batu, kucing tulap, binturong, tapir, spesies primat dan pelbagai spesies burung.

## INFO

Pembangunan NWRC terdiri daripada tiga fasa pembangunan

• Fasa I (2012-2013):  
Pembinaan Kurungan Harimau.

• Fasa II (2013-2014):  
Bangunan kediaman pekerja, pejabat dan klinik, projek bekalan air terawat.

• Fasa III (2015-2018):  
Pembinaan bangunan kuarantin dan kurungan hidupan liar.

• Kos keseluruhan pembangunan NWRC bagi tiga fasa ini adalah melebihi RM30 juta.



PEGAWAI dan kakitangan Perhilitan berbincang sesuatu sebelum tugas harian dimulakan. Gambar kanan menunjukkan petugas memberi makanan kepada harimau yang ditempatkan di NWRC, Sungkai, Perak.